

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB BERTULIS

**DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL
[LIBARAN]**

NO. SOALAN : 154

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan keberkesanan Karnival Usahawan Desa (KUD) dalam membantu usahawan tempatan mewujudkan jaringan terutama ke peringkat antarabangsa.

JAWAPAN:

Karnival Usahawan Desa (KUD) telah dianjurkan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sebanyak enam(6) kali bermula daripada tahun 2006. KUD merupakan platform terbaik dalam menambahkan peluang dan ruang pasaran serta jaringan perniagaan yang lebih luas kepada usahawan luar bandar bagi mempromosi dan menjual produk.

KUD dirancang dan dilaksanakan dengan matlamat untuk:

- i) memperkenalkan, mempromosi dan memperluaskan akses pasaran serta memartabatkan produk dan perkhidmatan luar bandar;
- ii) meneroka peluang pasaran baru dan lebih besar dengan pengurusan pemasaran secara sistematik; dan
- iii) meningkatkan daya saing dan kebolehpasaran produk dan perkhidmatan luar bandar.

Kayu pengukur bagi kejayaan KUD adalah pertambahan kepada bilangan penyertaan usahawan, bilangan pengunjung, nilai transaksi jualan, nilai tempahan dan bilangan jaringan perniagaan. Jika dibandingkan Karnival yang pertama atau lebih dikenali sebagai Ekspo Desaneka Luar Bandar pada tahun 2006 dengan KUD 2015 pada tahun lepas, penganjuran KUD telah mencatat pencapaian yang membanggakan seperti berikut:

- (i) penyertaan usahawan meningkat daripada 30 usahawan kepada 729 iaitu peningkatan sebanyak 2330% ;
- (ii) bilangan pengunjung meningkat daripada seramai 101,486 pengunjung kepada 1,118,046 pengunjung iaitu peningkatan sebanyak 1001.68%;
- (iii) nilai transaksi jualan meningkat daripada RM27,729 kepada RM4,197,768 iaitu peningkatan sebanyak 15,038.55%;
- (iv) nilai tempahan meningkat daripada RM19,500 kepada RM2,249,467 iaitu peningkatan sebanyak 11,435.73%; dan

- (v) jaringan perniagaan yang diwujudkan meningkat daripada 93 jaringan perniagaan kepada 11,189 jaringan perniagaan iaitu peningkatan sebanyak 11,931.18%.

Justeru adalah terbukti bahawa penganjuran KUD amat memberi kesan dalam membantu usahawan memasarkan produk/perkhidmatan mereka secara lebih meluas khususnya di dalam negeri kepada pengguna di bandar serta memperluaskan jaringan perniagaan mereka sehingga ke luar negara.

Melalui penyertaan di dalam KUD, sebanyak 6 buah syarikat usahawan luar bandar telah berjaya memasarkan produk mereka ke negara asing seperti China, Singapura, Brunei, Jepun, Dubai dan Australia. Antara produk tersebut adalah seperti pes masakan, produk kesihatan dan makan sejuk beku.

Kementerian akan meneruskan tumpuan kepada peningkatan kualiti produk dan perkhidmatan bagi memenuhi spesifikasi dan piawaian pasaran

antarabangsa agar produk/perkhidmatan tempatan berdaya saing di samping mencari peluang pemasaran sehingga ke peringkat global.